43. Rajah 3 menunjukkan keluk perubahan keseimbangan pasaran telefon pintar.



Rajah 3

Jika E_0 ialah titik keseimbangan asal, manakah kesan peningkatan pendapatan isi rumah kepada keseimbangan pasaran telefon pintar?

A Keluk permintaan beralih ke kiri dari D_0D_0 ke D_2D_2

B Kuantiti keseimbangan pasaran yang baharu ialah Q_2

C Kuantiti keseimbangan pasaran akan meningkat dari Q_0 ke Q_1

D Kuantiti keseimbangan pasaran akan meningkat dari Q_2 ke Q_1

44. Jadual berikut menunjukkan permintaan dan dan penawaran buah mangga di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)	Kuantiti Ditawar (kg)
6	140	100
7	130	120
8	120	130
9	110	140

Pilih pasangan yang betul.

	Harga (RM)	Keadaan
A.	6	Merupakan dasar harga minimum ditetapkan oleh kerajaan
B.	7	Harga cenderung naik untuk mencapai keseimbangan
C.	8	Berlaku lebihan penawaran sebanyak 130 unit
D.	9	Stok keluaran akan berkurang sebanyak 30 unit.

45. Rajah berikut berkaitan dengan pasaran Barang R.



Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan dalam rajah tersebut?

A Berlaku lebihan penawaran

B Harga dan kuantiti baharu menurun

C Matlamat firma maksimumkan untung

D Keseimbangan baharu pada harga lebih tinggi

LIVEWORKSHEETS

46. Rajah 3 berkaitan dengan keseimbangan pasaran sarung tangan getah.



Rajah 3

Situasi yang manakah menyebabkan perubahan di atas?

A Upah buruh meningkat
B Harga getah sintetik naik
C Inovasi dalam pengeluaran
D Objektif pengeluaran adalah untuk memaksimumkan keuntungan

47. Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Permintaan (Unit)	Penawaran (Unit)
25	100	30
50	80	60
75	60	90
100	40	120

Jadual 2

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM100?

A Lebihan penawaran
B Lebihan permintaan
C Keseimbangan pasaran
D Kekurangan permintaan

LIVEWORKSHEETS

48. Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

I Berlaku lebihan penawaran sebanyak 50 unit
II Harga barang cenderung jatuh sebanyak RM8
III Permintaan pasaran berubah dari 30 ke 40 unit
IV Firma menetapkan harga keseimbangan pada RM10

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

49. Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

A Pergerakan titik keseimbangan ke E_1 kesan pertambahan bilangan pengeluar
B Jangkaan harga akan naik menyebabkan keluk permintaan beralih dari D_0 ke D_1
C Harga meningkat ke RM15 apabila berlaku lebihan permintaan sebanyak 20 unit
D Kuantiti keseimbangan naik kepada 14 unit ditentukan melalui persetujuan firma

LIVEWORKSHEETS

50. Rajah 1 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

I Berlaku lebihan permintaan sebanyak 40 unit
II Firma tentukan kenaikan harga sebanyak RM6
III Harga keseimbangan pasaran berlaku pada RM20
IV Jumlah penawaran akan berubah dari 20 ke 30 unit

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

51. Rajah berikut menunjukkan keluk keseimbangan pasaran barang .



Antara berikut, apakah yang berlaku pada tingkat harga RM15?

I Harga cenderung turun
II Keseimbangan pasaran dicapai
III Lebihan penawaran sebanyak 70 unit
IV Lebihan permintaan sebanyak 70 unit

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

52. Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

A Teknologi meningkat dalam pengeluaran
B Cukai pendapatan individu naik
C Harga barang itu meningkat
D Pendapatan individu naik

2.2 KEANJALAN HARGA

53. Rajah 6 menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Rajah 6

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut ?

A 0.44

B 0.86

C 1.17

D 2.25

54. **Jadual 2** menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti ayam.

Harga (RM)	Kuantiti Ayam Diminta (Kg)
8	50
12	40
16	30

Jadual 2

Jika harga meningkat daripada RM8 kepada RM16, berapakah nilai keanjalan harga permintaan?

A 0.40

B 0.67

C 1.33

D 2.50

LIVEWORKSHEETS

55. **Rajah 5** menunjukkan sejenis keanjalan harga permintaan.



Rajah 5

Pernyataan manakah yang betul?

A Pekali keanjalan kurang daripada satu

B Jenis barang adalah barang keperluan

C Peningkatan harga 2% menyebabkan penurunan kuantiti diminta lebih 2%

D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peritus perubahan kuantiti

56. Apakah faktor yang menyebabkan sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga permintaan?

A Barang itu tidak mempunyai banyak barang pengganti

B Barang itu mempunyai jangka masa pendek

C Barang itu ialah barang mewah

D Barang tidak tahan lama

57. **Jadual 3** menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran barang A dan barang B.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti	Peratus Perubahan Harga
A	20%	60%
B	50%	30%

Jadual 3

Padanan yang manakah betul tentang barang A dan barang B?

	Barang A	Barang B
A	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam
D	Merupakan barang pertanian	Merupakan barang perkilangan

LIVEWORKSHEETS

58. Jadual berikut berkaitan dengan permintaan bagi buah durian.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kilogram)
16	X
20	60

Sekiranya harga jatuh dari RM20 ke RM16 dan nilai keanjalan harga permintaan ialah 1.5, berapakah nilai X?

A 55 kilogram
B 65 kilogram
C 72 kilogram
D 78 kilogram

59. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran tayar.



Apakah faktor yang menyebabkan berlaku peralihan keluk tersebut?

A Harga getah yang meningkat
B Dasar kerajaan memberi subsidi
C Tingkat teknologi yang semakin canggih
D Matlamat pengeluar ingin mencapai jualan yang maksimum

60. Rajah 5 menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti bagi barang X.



Rajah 5

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

A Merupakan produk makanan
B Kegunaan yang pelbagai dalam ekonomi
C Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
D Tindakan naikkan harga untuk tingkatkan jumlah hasil jualan

LIVEWORKSHEETS

61. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta terhadap dapur elektrik.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
400	1000
350	1200

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut jika harga jatuh daripada RM400 kepada RM350?

A 0.63
B 0.75
C 1.33
D 1.60

62. Penawaran kuih raya bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga kuih raya meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk kuih raya tersebut?

A 0.53
B 0.87
C 1.54
D 1.88

63. Jadual 1 berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2	20
4	10

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM2 ke RM4?

A. 0.25
B. 0.50
C. 1.50
D. 2.00

64. Seseorang pengeluar akan menggunakan strategi peningkatan harga barang jika

A. Darjah ketagihan barang adalah rendah
B. Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
C. Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah
D. Tidak mempunyai banyak barang pengganti

65. Jadual 2 di bawah ini menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
2	8
4	**Q**

Jadual 2

Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai **Q** jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

A. 10 unit
B. 12 unit
C. 16 unit
D. 24 unit

LIVEWORKSHEETS

66. Jadual 2 berkaitan dengan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2.00	10
3.00	X

Jadual 2

Jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 0.4. Berapakah nilai X?

A 4 unit

B 6 unit

C 8 unit

D 12 unit

67. Pernyataan manakah yang betul tentang penentu keanjalan harga permintaan?

A Kopi permintaannya adalah anjal

B Barang mewah adalah lebih anjal

C Susu permintaannya adalah anjal

D Tepung atta membuat capati adalah anjal

68. Maklumat berikut berkaitan dengan penawaran kerepek pisang.

Penawaran kerepek pisang bertambah dari 160 unit ke 260 unit apabila harga kerepek pisang itu meningkat dari RM4.00 ke RM5.00.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut?

A 0.40

B 0.60

C 1.25

D 2.50

69. Harga barang Z turun sebanyak 40% menyebabkan kuantiti diminta barang bertambah daripada 80 unit kepada 120 unit. Berapakah nilai pekali keanjalan harga permintaan untuk barang Z?

A 0.80

B 0.83

C 1.20

D 1.25

70. Penawaran sesuatu barang cenderung menjadi tidak anjal jika

A inventori adalah terhad

B bilangan firma yang banyak

C mobiliti faktor pengeluaran yang tinggi

D pertambahan kos pengeluaran yang kecil

LIVEWORKSHEETS

71. Jadual berikut menunjukkan permintaan terhadap buah rambutan.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)
6	30
12	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan buah rambutan jika harga naik dari RM6 ke RM 12?

A. 0.67
B. 0.81
C. 1.22
D. 1.50

72. Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang A.

Peratus perubahan kuantiti diminta (%)	Peratus perubahan harga (%)
60	25

Pernyataan yang manakah betul tetantang barang tersebut?

A. Strategi pengeluar meningkatkan harga dapat meningkatkan jumlah hasil
B. Firma menanggung cukai lebih kecil berbanding dengan pengguna
C. Bilangan barang pengganti dalam pasaran banyak
D. Contoh barang A yang dikeluarkan adalah beras

73. Pernyataan yang manakah betul berkaitan jenis keanjalan harga penawaran yang anjal?

A. Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
B. Contoh keluaran adalah barang-barang pertanian
C. Tambahan kos yang diperlukan adalah besar
D. Bentuk keluk penawaran yang landai

74. Gambar berikut berkaitan dengan keanjalan harga penawaran bagi suatu barang.

Pernyataan yang manakah betul?
A Keluk penawaran adalah landai
B Pekali keanjalan kurang daripada satu
C Keluaran dapat ditambah dengan segera
D Pengeluar responsif terhadap perubahan harga

LIVEWORKSHEETS

75. Rajah berikut berkaitan dengan pekali keanjalan permintaan.



Berapakah nilai X jika pekali keanjalan harga permintaan ialah 2?

A 27.00
B 47.25
C 49.68
D 50.00

76. Jadual 1 menunjukkan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi gelang emas dan beras.

Gelang emas	Beras
2.2	0.7

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul tentang jadual tersebut.

A Nilai pekali keanjalan gelang emas ialah tak anjal
B Jumlah hasil meningkat jika harga beras dinaikkan
C Pengguna sangat responsif terhadap perubahan harga beras
D Peratus perubahan kuantiti gelang emas lebih kecil berbanding peratus perubahan harga

77. Apakah yang berlaku jika harga turun sebanyak 25% bagi permintaan barang yang tidak anjal?

A Kuantiti diminta turun lebih daripada 25%
B Kuantiti diminta turun kurang daripada 25%
C Kuantiti diminta meningkat lebih daripada 25%
D Kuantiti diminta meningkat kurang daripada 25%

78. Penawaran roti bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga roti meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran roti tersebut?

A 0.33
B 0.62
C 1.54
D 1.88

LIVEWORKSHEETS

79. Jadual 2 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)
2	8
4	**Q**

Jadual 2

Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai Q jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

A 10 unit
B 12 unit
C 16 unit
D 24 unit

80. Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tudung Saloma.



Rajah 3

Berapakah kuantiti **X** jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 2.5?

A 60 Unit
B 65 Unit
C 70 Unit
D 75 Unit

81. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi barang XY.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
10	20

Jadual 3

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang XY?

A Pengeluar meningkatkan harga barang XY.
B Pengeluar menurunkan harga barang XY.
C Pengeluar meningkatkan permintaan barang XY.
D Pengeluar menunggu kerajaan memberikan subsidi.

LIVEWORKSHEETS

82. Syarikat XYZ meningkatkan penawaran beg plastik daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga naik daripada RM1.50 kepada RM2.00.

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran bagi barang tersebut?

A 0.53

B 0.87

C 1.54

D 1.88

83. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan kuantiti dan harga ditawar suatu barang.

Jenis barang	Peratus perubahan kuantiti	Peratus perubahan harga
S	12	8

Jadual 3

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

A Produk pertanian merupakan contoh bagi barang tersebut

B Melibatkan tambahan kos yang kecil apabila kuantiti ditambah

C Menunjukkan keluk yang mempunyai kecerunan yang lebih curam

D Peningkatan harga yang kecil menyebabkan pengurangan yang banyak

84. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Jenis barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
K	15	12

Jadual 3

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

A Naikkan harga jualan dapat meningkatkan jumlah hasil firma

B Orang ramai lebih responsif terhadap perubahan harga

C Kereta mewah merupakan contoh bagi barang tersebut

D Tahap ketagihan oleh pengguna adalah rendah

85. Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang dalam pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
4	30
8	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM4 ke RM8?

A 0.50
B 0.67
C 1.00
D 2.00

LIVEWORKSHEETS

86. Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga (%)	Peratus Perubahan Kuantiti (%)
A	20	10
B	10	15

Pernyataan yang manakah betul tentang maklumat berikut?

A Pengguna barang B sangat responsif terhadap perubahan harga
B Harga barang A diturunkan untuk menambah jumlah hasil
C Nilai pekali keanjalan barang B adalah tak anjal
D Contoh barang A adalah barang kemas

87. Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



A Pekali keanjalan lebih daripada satu
B Jenis barang adalah barang pertanian
C Harga naik 1% menyebabkan kuantiti turun lebih 1%
D Peratus perubahan kuantiti lebih kecil berbanding peratus perubahan harga

LIVEWORKSHEETS